

Newspaper

Berita Harian

Date

10 March 2016

TUN DR MAHATHIR BERSEKONGKOL DENGAN PEMBANGKANG

# UMNO serah akar umbi, nilai sandiwara bekas PM

» Dr Mahathir berguna pembangkang realisasi agenda peribadi

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**U**MNO akan menyerahkan kepada ahli akar umbi dan masyarakat untuk menilai sendiri 'sandiwara' politik Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Penerangannya, Tan Sri Annuar Musa, berkata UMNO tidak akan terburu-buru mengambil tindakan terhadap pemimpin dan ahli parti yang bersekongkol dengan Dr Mahathir dan pembangkang untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, pakatan Dr Mahathir dengan pembangkang, termasuk Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang juga seteru utamanya, lambat-laun akan memakan diri kerana komplot itu umpama retak menanti belah.

Dr Mahathir beralih arah untuk mempergunakan pembangkang demi merealisasikan agenda peribadinya selepas gagal meraih sokongan majoriti rakyat dan ahli UMNO.

"Tembelang Dr Mahathir di sebalik permainan politiknya kerana ketagih untuk memegang tampuk kuasa sehingga sanggup 'membunuh' sesiapa saja yang menjadi penghalang



Annuar (kiri) pada program Soal Jawab di Sri Pentas, malam tadi.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

akhirnya akan terbongkar.

"Ketika itu, rakyat dan ahli UMNO akan dapat menilai agenda Dr Mahathir selama ini yang melancarkan gerakan menyerang keperibadian Najib semata-mata kerana enggan mengikut telunjuknya," katanya pada program Soal Jawab disiarkan TV3, malam tadi.

Pada 4 Mac lalu, Dr Mahathir mengepalai gerakan itu yang turut disertai Timbalan Presiden UMNO yang digantung jawatan, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjatuhkan Najib.

Annuar berkata, semakin ramai ahli akar umbi UMNO ketika ini berpandangan mereka sukar memaafkan 'dosa' politik yang dilakukan Muhyiddin dan Shafie, kerana bersekongkol dengan Dr Mahathir.

**DAP ambil kesempatan**

"Saya ucapkan tahniah kepada DAP kerana berjaya mengambil kesempatan terhadap Dr Mahathir dan Muhyiddin, sekali gus membuka mata rakyat mengenai sejauh mana permainan politik mereka demi menumbangkan kerajaan," katanya dalam nada sinis.

Di sebalik kemelut itu, Annuar berkata, ukhawah antara ahli akar umbi dan kepimpinan tertinggi parti kini lebih rapat, malah semakin ramai tampil menyuarakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Presiden.

Katanya, kematangan UMNO sebagai parti yang memayungi masyarakat Melayu dan tunjang kerajaan tidak akan meletakkan keutamaan seseorang individu melebihi kepentingan negara.

"Apatah lagi apabila Dr Mahathir nak jadikan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO sebagai boneka dengan menurut segala kemahuar-

nya iaitu tindakan sama dilakukan terhadap Tun Abdulah Ahmad Badawi dan dua (bekas) Timbalan Perdana Menteri iaitu Tun Musa Hitam serta Allahyarham Tun Ghafar Baba.

"Jadi, gerakan dan strategi politik Dr Mahathir untuk mencantas Najib ini bukan kali pertama dilakukannya," katanya.

Akibat terlalu lama memegang tampuk kuasa, beliau mendakwa, Dr Mahathir ada sifat keyakinan melampau, sekali gus enggan menerima hakikat bahawa dirinya tiada kuasa seperti dulu.

Annuar turut mendedahkan, Dr Mahathir dalam suatu pertemuan peribadi dengannya pernah meluahkan kuasa adalah perangsang terhebat.

"Sehubungan itu, deklarasi yang dipimpinnya ketika ini bukan demi manfaat segenap rakyat, sebaliknya agenda peribadi untuk kekal berkuasa," katanya.